

“CHINA-MELAYU BERKELAH LAGI?” SEKILAS PANDANG MENGENAI MINDA ULAMA
TEMPATAN MENDEPANI KONFLIK PERKAUMAN, 1941-1948

Mohamed Ali bin Haniffa^{1,a}, Ayu Nor Azilah Mohamad^{2,b}

¹Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia,

²Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, Malaysia

^am.ali@uum.edu.my, ^bayunorazilah@kuis.edu.my

Kata kunci: Minda ulama tempatan, komunis, Ulama, Jihad, Sabilillah, Malayan Union

Abstrak. Artikel ini mengemukakan mengenai peranan dan minda ulama tempatan berikutan konflik perkauman selepas pemerintahan Jepun di Tanah Melayu, 1941-1948. Pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu memberikan ruang kepada komunis melakukan kezaliman khususnya ketika proses melegitimasi kuasa mereka. Orang Melayu yang dizalimi oleh komunis mula bergantung kepada ulama, pemimpin agama dan tempatan serta memanifestasikan jihad dan sabilillah. Golongan ulama telah menjadi pemersatu dalam mendepani konflik perkauman terbesar dalam sejarah Malaysia. Minda dan peranan ulama tempatan telah memberikan inspirasi kepada masyarakat Melayu di seluruh tanah air bagi mempertahankan nyawa, bangsa dan agama. Kajian ini menggunakan sumber lisan dan kaedah penyelidikan kepustakaan, melibatkan dokumen dan fail. Hasil kajian mendapati bahawa ulama tempatan telah menjadi tenaga dalaman dalam mencetuskan nasionalisme. Minda dan peranan mereka lebih bersifat untuk membebaskan tanahair.

Pendahuluan

Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang dibentuk oleh penduduk berbilang kaum. Kedatangan imigran berikutan dari galakan British telah menyebabkan berlakunya proses kemajmukan serta menjadikan masyarakat di Tanah Melayu menjadi lebih unik. Perpaduan antara kaum dan perkara berkaitan merupakan isu penting dalam sejarah Malaysia. Masalah perkauman di Malaysia berpunca daripada pelbagai sebab termasuk dasar penjajahan dan prasangka ras yang telah pun berakar umbi dalam kalangan pelbagai golongan etnik. Ekonomi Tanah Melayu ketika zaman kolonial bersifat majmuk. Pekerjaan penduduk diidentifikasi mengikut kumpulan etnik dan setiap kaum hidup berasingan serta mengekalkan cara hidup masing-masing. Sejarah kemajmukan kaum mula menjadi penting apabila pihak Inggeris mengawal dan menguasai negeri-negeri Melayu. Imigran Cina yang terlibat dalam industri perlombongan bijih timah sudah berada di Tanah Melayu seawal tahun 1777 dan menetap di Perak pada tahun 1830. British telah menggalakkan penghijrahan masuk orang Cina dan orang India secara tidak tersekat. Tenaga mereka telah digunakan seoptimum mungkin bagi mengusahakan lombong bijih timah dan juga membuka tanah baru bagi mewujudkan ladang getah. Kedudukan ekonomi orang Cina menjadi lebih kukuh berbanding dengan orang Melayu dan India menjelang awal abad ke-20. Perbincangan dalam kertas kerja ini memberi tumpuan kepada pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang telah menyebabkan tercetusnya permusuhan di antara orang Melayu dan Cina. Artikel juga mengupas mengenai minda ulama tempatan dan survival bangsa Melayu dalam mendepani konflik yang terburuk dalam sejarah etnik di Tanah Melayu.

Penjajahan British dan Jepun di Tanah Melayu

Artikel Enam di dalam Perjanjian Pangkor memperuntukkan pelantikan seorang Pegawai British sebagai Residen (Patrick Sullivan, 1982: 13). Dasar campurtangan telah memberikan kuasa yang luas kepada British memanipulasi kekayaan di Tanah Melayu. Penjajahan Barat telah membawa bersama polisi *divide and rule* yang telah meminggirkan orang Melayu dari arus pemodenan. Hal ini dirumitkan lagi dengan pemerintahan Jepun yang telah mempertajamkan hubungan dingin di antara orang Melayu-Cina. Golongan intelegensia Melayu seperti Za’ba dan Ishak Haji Muhammad pernah menyuarakan kebimbangan terhadap golongan imigran yang meningkat di Tanah Melayu sejak tahun 1930-an lagi. Malah rasa ketidakpuasan hati terhadap dasar kolonial turut disuarakan oleh orang Melayu lain ketika berlaku zaman kemelesetan ekonomi dunia yang melanda Tanah Melayu antara tahun 1929-32. Perniagaan orang Cina menjadi semakin makmur dan meningkat. Hal ini dilihat oleh orang Melayu sebagai suatu ancaman besar kepada situasi politik dan ekonomi mereka (Cheah Boon Kheng, 1983: 5). Kemakmuran ekonomi yang didominasi oleh orang Cina dan kesusahan hidup ketika pemerintahan Jepun telah menyebabkan berlakunya peminggiran orang Melayu. Kemasukan buruh lelaki Cina yang melebihi wanita juga turut membawa kepada masalah pelacuran. Pada tahun 1901 terdapat 100 orang wanita berbanding dengan 1000 orang lelaki imigran Cina di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Victor Purcell, 1948: 174).

Menjelang zaman pendudukan Jepun, kejadian menculik penduduk khususnya orang Melayu oleh komunis telah berleluasa. Hal ini juga telah menjadi salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya kerenggangan hubungan di antara Melayu-Cina (WO 172/9773, 30 Mei 1946: 478). George Hall yang menjadi Setiausaha Tanah Jajahan menegaskan bahawa antara faktor yang telah menyebabkan berlakunya pergaduhan di antara orang Melayu-Cina ialah kesan pendudukan Jepun dan provokasi (CO 537/1580: 8). Akhbar juga turut melaporkan bahawa pemimpin orang Cina tidak cuba untuk menasihatkan komuniti mereka agar hidup dalam keadaan yang harmoni (MU 1099/1946, 20.12.46: 291[1]). Pemerintahan Jepun juga tidak mempunyai sebarang dasar yang boleh menyatukan penduduk Tanah Melayu ketika itu. Komuniti Cina di Tanah Melayu meneruskan sentimen benci kepada orang Jepun dengan menjalankan pemulauan. Pemulauan tersebut membawa kepada pembunuhan seramai 70,000 orang Cina di Singapura (CO 537/3757: 27-28). Walaubagaimanapun, komuniti Cina yang menerima layanan yang tidak baik dari Jepun telah menyertai Kuomintang dan komunis. Mereka telah bergabung tenaga dan menubuhkan *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA). MPAJA merupakan pertubuhan subversif dan dikawal selia oleh PKM (WO 172/9773, 9 April 1946: 384). Segelintir orang Melayu pula telah dipaksa oleh Jepun untuk menjadi tali barut. Hal yang demikian telah disalah tafsir oleh masyarakat Cina (MU. Sec. 6834/47, 5 June 1947: 1). Berikutan dengan penyerahan kalah Jepun pada Ogos 1945, komunis keluar dari hutan dan menguasai balai polis dan bandar-bandar serta menunjukkan kekuasaannya (WO 172/1784, 21 September 1945: 180). Komunis mula bertindak zalim dengan menghukum penduduk kampung yang dikatakan bersubahat dengan Jepun atau melakukan kesalahan kepada mereka. Oleh yang demikian, ramai guru agama, imam, bekas pekerja pejabat Jepun dan orang biasa yang telah ditangkap dan dibunuh. Banyak rumah yang dibakar pada waktu malam ketika penghuninya tidur (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011: 6).

Minda dan Survival Ulama Tempatan

Masyarakat Melayu telah hilang kepercayaan terhadap komuniti Cina keseluruhannya apabila komunis mula mengganggu agama Islam. Peristiwa tersebut telah berlaku di Batu Pahat, Johor dan Perak sebelum tentera Jepun menyerah kalah.. Komunis melarang orang Melayu berkumpul di surau atau masjid untuk beribadat serta berjemaah (Hairi Abdullah, 1973/4, 1974/5: 8-9). Kawasan masjid di Air Hitam, Muar juga telah digunakan sebagai tempat menyembelih khinzir. Ini menyebabkan masyarakat setempat terganggu daripada menjalankan ibadat (Kenelm O.L. Burridge, 1951: 163). Larangan dan sekatan berkenaan telah menjadikan orang Melayu semakin bersatu. Gerila komunis menggunakan kesempatan membunuh orang Islam dengan menembak dan membakar masjid ketika mereka sedang bersembahyang. Masjid dan surau sering kali dijadikan sebagai tempat bermesyuarat orang Cina (WO 172/9773, 30 Mei 1946: 478). Manakala Al-Quran dijadikan sebagai pengesat najis (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011: 6). Tindakan British yang seolah-olah cuba untuk mempermainkan kesucian agama Islam menjadikan isu perkauman menjadi dominan. Pada 18 Julai 1947, Mejar Cock telah menggunakan Al-Quran dalam majlis angkat sumpah kepada semua belia Islam yang menyertai tentera British (MU. Sec. 8434/47, 18.7.47: 1).

Kehidupan orang Melayu sudah sinonim dengan pergantungan kepada golongan ulama dan pemimpin tempatan. Ulama pada abad ke-19 muncul di kebanyakan negeri di Tanah Melayu seperti Terengganu, Kelantan, Kedah, Pahang, Perlis, Perak dan Pulau Pinang. Ramai di antara ulama yang lahir pada abad yang ke-18 tetapi peranan aktif mereka jelas kelihatan menjelang abad ke-19. Antaranya ialah Haji Ishak bin Muhammad Hashim, tokoh ulama Kedah yang lahir pada tahun 1771 dan meninggal dunia pada tahun 1871. Antara tokoh ulama yang terkenal ialah Syekh Haji Fadhil Al-Banten. Kiayi Haji Fadhil al-Banten atau lebih dikenali sebagai Kiayi Fadhil Lenga adalah seorang tokoh ulama dan ahli tarekat yang terkenal di Muar sekitar tahun 1910 hingga 1950 (Mohd Akbal Abdullah, 2006: 31). Ramai ulama yang telah berguru dengan beliau. Antara yang telah berguru dengan Syekh Haji Fadhil Al-Banten pada peringkat awal terdiri dari Kadi Haji Ahmad Syah dari Pontian, Kiai Salleh bin Abd. Karim (Batu Pahat), di Muar oleh Orang Kaya Haji Abdul Hamid dan di Mersing oleh Haji Siraj bin Marzuki. Perjuangan Kiayi Fadhil al-Banten diteruskan oleh anak beliau iaitu Haji Abdul Hamid bin Haji Fadhil. Ulama berperanan sebagai agen perubahan dan suri teladan kepada masyarakat (Farid Mat Zain & Amnah Saayah Ismail, 2007: 195). Kedatangan ulama ke negeri-negeri Melayu telah menyuntik semangat jihad dalam kalangan penduduk. Masyarakat Melayu mula memikirkan survival bangsa apabila berlaku penindasan dan perencanaan penjajah yang tidak seimbang. Agama telah menjadi tenaga pendorong dan penguat kepada kesedaran dan perjuangan orang Melayu. Ketika dizalimi oleh komunis, kerajaan British telah mengkhianati orang Melayu dengan mengisytiharkan Malayan Union. Pengenalan Malayan Union pada tahun 1946 juga telah menyebabkan konflik Melayu-Cina semakin merebak (WO 172/9773, 9 February 1946: 170).

Ilmu tarekat pula telah menjadi sebahagian dari amalan dalam masyarakat Melayu. Menurut Syed Naguib Al-Attas, dua tarekat yang terkenal dan diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu ialah Qadiriyyah dan Naqshbandiyyah (Syed Naguib Al-Attas, 1963: 34). Ilmu yang dibawa dan diajar oleh guru tarekat ialah ilmu batin. Antara guru Tarekat Qadiriyyah yang terkenal ialah Shaykh Abdullah bin Mustafa di Kampung Parit Maimun, Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor. Menjelang abad ke-19, ramai ulama dari Patani berhijrah ke Terengganu, kesan daripada serangan Siam ke atas Patani. Manakala pada awal tahun 1930-an madrasah yang dibina di sepanjang Sungai Perak digunakan oleh kongsi gelap Melayu dan pertubuhan sulit bagi mengadakan mesyuarat. Antara kongsi gelap Melayu yang berpengaruh ialah Bendera Putih dan Bendera Merah. Jihad dan pembaharuan yang diuar-uarkan telah menjadikan madrasah sebagai

tumpuan. Dalam usaha mempertahankan kelangsungan survival bangsa, elemen mempertahankan diri dalam masyarakat Melayu mula diberikan perhatian. Seni mempertahankan diri seperti silat disertai dengan beberapa amalan kebatinan. Oleh yang demikian, keyakinan dan amalan agama amat mirip kepada paduan unsur-unsur setempat dengan mistik sufi yang terdapat di seluruh alam Malaysia (William R. Roff, 1967: 6). Mengikut laporan oleh *War Office Record*, ulama dan guru agama mempunyai kaitan rapat dengan konflik Melayu-Cina di Dinding, Perak (WO 172/9773: 72). Aliran ilmu kebal di Johor dikatakan tersebar luas sehingga ke Pahang. Batu Pahat telah menjadi antara pusat ilmu kebal khususnya "*Golden Needle Invulnerability Cult*" (WO 172/9773, 11 Jun 1946: 599).

Elemen ini turut menimbulkan kebimbangan kepada pentadbiran British. Tambahan pula isu ini terus berlanjutan sehingga ke tahun 1946 (CO 537/1583, 22 October, 1946: 5). Amalan beragama orang Melayu dilihat sebagai suatu bentuk ancaman kepada British (WO 172/9773, 2 February 1946: 161-162). British juga menyatakan bahawa ilmu kebal yang diamalkan oleh orang Melayu khususnya di Johor dan Perak telah mengganggu pentadbiran mereka (CO 537/1583, 8 October, 1946: 8). Menurut laporan tersebut, amalan agama yang telah dibawa oleh "*Malay Gurus*" berkembang dengan cepat. Aktiviti agama oleh orang Melayu dikatakan menjadi punca kepada meletusnya konflik Melayu-Cina di Kuala Pilah dan juga Perak. Amalan dan gerakan beragama orang Melayu dikenali sebagai *Sabilillah* atau *Perang Jihad* (CO 537/1583, 7 October 1946: 9). Ilmu kebal juga turut mendapat pengaruh dari Indonesia dan mula dilaporkan pada November 1945 di Negeri Sembilan. Sejak dari tempoh berkenaan, ilmu tersebut telah berkembang hingga ke seluruh semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Antara objek yang digunakan bagi menjadikan seseorang pengamal itu menjadi kebal ialah kain selempang merah, cincin, potongan ayat dari Al-Quran, dan suntikan jarum emas. Ilmu halimunan pula telah dipraktikkan oleh Tuan Guru Haji Abbas di Sungai Choh, Hulu Selangor (Tuan Haji Yahya bin Haji Abbas).

Kiai Salleh bin Karim dikatakan kerap kali datang ke Ulu Cheka, Jerantut, Pahang bagi membincangkan soal orang Melayu bersama dengan Pawang Nong bin Santan (Arif bin Nong). Beliau juga adalah pengikut dan pengamal Tarekat Qadiriyyah yang diasaskan oleh Sheikh Abdul Qadir Jilani serta mempraktikkan seni silat sendeng (Tuan Haji Yusof bin Salleh). Ilmu kebal disertai dengan amalan minum air penebat yang bertujuan merangsang dan menaikkan semangat perjuangan. Pada September 1946, Syeikh (Syed) Idris mula mengajar ilmu kebal dan mistik Melayu di daerah Kuala Kangsar, Perak. Menjelang bulan Julai 1947, konflik Melayu-Cina bertambah serius di sepanjang Sungai Perak. Ketika berada dalam situasi yang amat meruncing, orang Melayu telah menjadikan parang panjang sebagai senjata utama bagi mempertahankan nyawa. Golongan ulama dan guru agama dilaporkan terus berperanan penting dalam menyebarkan semangat anti-Cina (WO 172/9773: 70). Di kawasan Batu Pahat, Johor dua orang ulama yang berperanan besar dalam mencetuskan semangat perjuangan ialah Che Mohamed Salleh bin Abdul Karim (Kiai Salleh) dan Haji Salleh yang merupakan seorang guru agama. Haji Salleh juga merupakan pengamal ilmu kebal dan telah berhijrah ke serata tempat bagi mengajar ilmu kebal serta menyampaikan ceramah bagi meningkatkan semangat orang Melayu (WO 172/9773, 9 July 1946: 645). Orang Melayu juga dilaporkan telah membentuk pertubuhan sulit bagi tujuan politik dan juga aktiviti anti-Cina. Haji Wan Ahmed yang menjadi Presiden Persitian Melayu dikenal pasti sebagai pemimpin gerakan tersebut. Kiyai Haji Hashim, Haji Munahar dan Haji Yusof bin Hassan telah menyebarkan ilmu kebal *gold needle injections*. Ketiga-tiga ulama tersebut telah ditahan pada November 1945 oleh *British Military Administration* (BMA) berikutan insiden pergaduhan Melayu-Cina di Kuala Pilah.

Batu Pahat pula telah berperanan sebagai pusat *gerakan Sabilillah* dan di ketuai oleh Sheikh Tahir Jalaluddin iaitu ulama yang berasal dari Sumatera. Beliau dikatakan mempunyai ilmu yang tinggi dan telah bermusafir ke serata tempat. Beliau dibantu oleh Kiyai selamat, Kiayai (Chegu) Salleh bin Abdul Karim dan Haji Yusof bin Hassan. Haji Hassan mengajar ilmu agama di kawasan Barat Pahang. Terdapat juga ulama-ulama lain seperti Ahmad Jelany dari Singapura. Manakala Kiyai Haji Marzuki yang menetap di Melaka telah berperanan besar dalam menyuntik semangat *Fi Sabilillah* kepada orang Melayu. Peranan Kiyai Haji Munahar menjadi penting di Melaka dan beliau telah berjaya menyatukan orang Melayu. Jelani Imam pula menjadi pemimpin kepada ilmu kebal jarum emas. Kezaliman komunis ke terhadap orang Melayu menyebabkan konflik perkauman tersebut tidak reda. Pembelajaran ilmu kebal sedikit sebanyak telah menambahkan keyakinan orang Melayu dan meningkatkan sentimen anti-Cina (WO 172/9773, 30 March 1946: 366).

“China-Melayu Berkelahi Lagi?” dan Natijahnya

Konflik Melayu-Cina di Johor telah bermula antara Mac hingga Ogos 1945. Konflik di Johor bermula di Ayer Hitam pada 20 Jun 1945. Kejadian kedua telah berlaku pada 21 Jun 1945 di Parit Kuman, Mukim Sungei Balang (SUKJ. 6203/1945, 12 November 1945: 13 A). Pada bulan Mei 1945 telah berlaku pembunuhan ke atas Moain Saridin @ Shahidin dan Hassan Akasah (*Utusan Malaysia*, 28 Mei 2009: 5). Konflik terakhir telah berlaku di Mukim Sri Menanti pada 22 Ogos 1945 (SUKJ. 6203/1945, 12 November 1945: 13 A). Pada 20 Ogos 1945 seramai dua orang Cina telah dibunuh oleh orang Banjar di Batu 14, Sri-Menanti, Jalan Parit Jawa Muar (RCJ. 241/46, 8 April 1947: 123). Manakala pada 2 September 1945, Dato’ Sheikh Abdullah bin Yahya telah diculik oleh orang Cina dan mencederakannya. Beliau telah meninggal dunia akibat dari kecederaan parah pada 5 September 1945 (RCJ. 241/46, 8 Julai 1947: 167). Hubungan orang Melayu dan Cina di Segamat mulai renggang dan terdapat beberapa kejadian pertumpahan darah. Kekacauan juga telah berlaku pada malam 9 dan 10 Februari 1946 di Bukit Gambir dan Parit Samsu, Johor (SUKJ. 6203/1945, 12 Februari 1946: 47). Pergaduhan

kecil juga sering kali berlaku di beberapa lokasi yang didiami oleh orang Melayu dan Cina seperti di Pengerang (RCJ. 65/46: 54). Tentera Sabil Selendang Merah (*Holy War Army of the Red Bands*) dibentuk oleh Kiai Salleh di Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor berikutan kezaliman komunis. Buat kali pertama beliau telah menggabungkan penduduk Melayu yang terdiri dari dua suku yang berlainan iaitu Jawa dan Banjar. Senjata yang digunakan berupa parang panjang, lembing, keris, pedang dan tombak manakala komunis menggunakan senjata api (Hairi Abdullah, 1973/4, 1974/5: 10). Pergaduhan yang bermula di Simpang Kiri telah merebak hampir ke seluruh mukim di Batu Pahat. Dalam satu kejadian yang berasingan sebanyak 60 buah keluarga Cina dari Kampung Batu Pahat telah lari meninggalkan harta benda apabila sekumpulan orang Melayu dan Jawa mencari mereka dengan bersenjatakan parang (CO 537/1580, 4 Sep. 46: 3).

Konflik di Johor telah berlarutan di Sungai Manik, Perak. Konflik etnik di Sungai Manik telah berlaku di antara 15 Ogos 1945 sehingga 15 September 1945 (Cheah Boon Kheng, 1981: 230). Isu sensitif sengaja disebarkan dengan harapan akan berlaku pergaduhan sesama mereka. Komunis juga telah mula menjalankan propaganda untuk merekrut ahli-ahli baru. Justeru itu, penduduk kampung yang tinggal di kawasan yang agak terpencil sering kali menjadi mangsa. Mereka akan diserbu pada waktu malam dan ditangkap serta dibawa ke dalam hutan belukar. Pada kebiasaannya mereka akan dipaksa menjadi anggota komunis ataupun menjalani hukuman mati. Ada di antara mereka yang diikat kaki dan tangan serta dimasukkan ke dalam guni lalu dicampakkan ke dalam laut hidup-hidup (Ibrahim Mahmood, 1981: 32). Dalam situasi cemas itu penduduk kampung mencari ulama yang boleh mengajar ilmu kebal. Antara ulama yang menjadi tumpuan di Sungai Manik ketika itu ialah Tuan Haji Amirus Hussin, Tuan Haji Yusof Tuan Haji Marzuki, Tuan Haji Dahlan, Tuan Haji Mat Samad, Tuan Haji Anuar dan Tuan Haji Masmuda (Tuan Haji Hanapiah bin Haji Salleh). Tuan Haji Bakri bin Haji Mohd Saman bertindak sebagai Tuan Guru atau pakar rujuk (Tuan Haji Zakaria bin Awang).

Tuan Haji Bakri dilantik menjadi khalifah parang panjang. Beliau dibantu oleh Tuan Haji Shukor yang bertindak sebagai Naib Khalifah. Kemuncak kemarahan orang Melayu di Sungai Manik ialah apabila sebuah masjid di Parit 6 C mahu dijadikan sebagai bilik gerakan dan dewan drama oleh komunis. Kejadian seumpama ini menyebabkan Ugoh bin Haji Mohd Said bersama penduduk kampung mula mempersiapkan diri bagi mempertahankan kampung halaman mereka. Berserta dengan ilmu batin yang telah dipelajari menjadikan diri mereka amat yakin untuk berhadapan dengan musuh Islam mereka iaitu komunis. Ugoh bin Haji Mohd Said dan beberapa orang pemuda berjumpa dengan Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman di Parit 8 B Sungai Manik bagi membincangkan kedudukan masyarakat kampung. Kumpulan tersebut telah diberikan minum air jampi yang dikenali sebagai air penebat dan dianugerahkan Selempang Merah (Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohd Said). Orang Melayu hanya bersenjatakan parang panjang, keris dan pisau. Konflik Melayu-Cina yang mula merebak menyebabkan orang Cina yang tinggal di Kampung Koh, Sitiawan, Ipoh, Kampar, Langkap dan Chucap datang memberikan bantuan kepada orang-orang Cina yang masih menetap di Sungai Manik. Boleh dikatakan hampir setiap hari akan berlaku pergaduhan kecil yang melibatkan orang Melayu dengan komunis. Pergaduhan ini disertai dengan beberapa perkara ganjil yang berlaku dengan izin Allah S.W.T. Konflik perkauman di Sungai Manik dikenali juga sebagai kebangkitan orang Banjar.

Konflik Melayu-Cina di Perak terus merebak sehinggakan kampung-kampung tradisional Melayu menjadi mangsa kekejaman komunis. Komunis telah menjadikan Sekolah Melayu Bekor sebagai markas dan memaksa penduduk Kampung Bekor mendengar ceramah serta propaganda mereka (Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari). Penglibatan beberapa orang ulama tempatan seperti Tuan Haji Salleh bin Abdul Manan, Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Manan dan Tuan Haji Shahbudin bin Lebai Sulaiman Bakul telah berjaya membawa perubahan di Kampung Bekor. Terdapat juga penglibatan beberapa orang Syeikh dari Bagan Serai seperti Tuan Syeikh Osman (Abdul Rahman bin Uda Mohd). Penyatuan penduduk Melayu Bekor seperti yang telah dilakukan oleh para ulama tempatan telah menyebabkan hubungan dan kepercayaan mereka terhadap masyarakat Cina keseluruhannya telah berubah. Dalam satu kejadian seramai 100 orang Cina telah lari menyelamatkan diri apabila dikejar oleh orang Melayu. Mereka telah merosakkan tanaman orang Melayu ketika kerja membina jalan selebar 6 kaki (*Seruan Ra’ayat*, 7 Januari 1946: 1). Keadaan yang mencemaskan di Bekor berikutan kezaliman komunis telah menyebabkan wakil orang Melayu mengemukakan tiga tuntutan kepada orang Cina bagi memperbaiki keadaan. Tuntutan pertama ialah memulangkan semula orang Melayu yang telah ditangkap dan dibawa ke dalam hutan. Sekiranya mereka ini telah dibunuh, orang Melayu telah memohon agar ditunjukkan kubur agar mereka boleh dikebumikan semula mengikut Islam. Mereka juga telah menuntut kembali harta benda milik orang Melayu yang telah dirampas serta dirompak oleh komunis. Tuntutan ketiga ialah menyerahkan semua senjata seperti senapang yang berada dalam simpanan mereka kepada pihak kerajaan (*Seruan Ra’ayat*, 7 Januari 1946: 1).

Selepas hampir sepuluh hari dari peristiwa berkenaan, komunis menyerang Kampung Bekor pada 5 Mac 1946 jam 10.00 pagi. Serangan tersebut dilakukan oleh hampir 100 orang komunis yang siap bersenjata (WO 172/9773: 281). Serangan kali pertama ini berjaya ditewaskan oleh penduduk kampung (Ibrahim bin Uda Mohd). Pada pagi hari Rabu 6 Mac 1946, antara jam 5.00 hingga 5.30 pagi telah berlaku serangan kali kedua. Serangan ini dikatakan telah dirancang dengan penuh teliti (CO 537/1580, 7 March 1946: 21). Asal lokasi mereka juga tidak dapat dipastikan kerana selepas serangan tersebut, mereka telah menghilangkan diri di dalam hutan tebal (CO 537/1580, 8 March 1946: 17-1). Ketika serangan itu, kebanyakan penduduk kampung masih sedang tidur (Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari). Dalam serangan tersebut setiap kawasan simpang dan jalan utama di seluruh kampung dikawal ketat oleh komunis. Antara tokoh yang menjadi

teraju utama bagi mempertahankan nyawa penduduk Melayu Bekor ialah Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Manan, Tuan Haji Salleh bin Abdul Manan, Tuan Haji Kulub Alang dan beberapa orang pemimpin tempatan. Orang Melayu menggunakan senjata seperti parang panjang, golok dan keris manakala komunis menggunakan senapang, serampang, tat serta lembing tat. Penduduk Kampung Bekor turut dibantu oleh Tuan Haji Shaari bin Haji Amin dan Daud bin Haji Amin. Tuan Haji Amin bin Kulub Hitam, Abdul Munan bin Haji Amin, dan Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Manan berada di barisan hadapan.

Keadaan yang terkepung menyebabkan ramai kanak–kanak dan kaum wanita yang sedang tidur menjadi mangsa (*Utusan Melayu*, 12 Mac 1946: 4). Akhbar Majlis turut melaporkan bahawa bilangan orang Cina yang datang menyerang ialah kira–kira 500 orang dan datang dari daerah Klian (*Majlis*, 24 Februari 1947: 5). Manakala laporan BMA menyatakan “*It is not known where the attackers came from and as they dispersed rapidly in thick jungle country*” (CO 537/1580, 8 March 1946: 17-18). Taktik serangan iaitu dengan membunyikan beduk di masjid menyebabkan penduduk kampung berada dalam keadaan kelam-kabut khususnya ketika memberikan bantuan. Penduduk Kampung Bekor yang terlibat menyatakan bahawa sebanyak 40 buah rumah telah dibakar oleh komunis. Peristiwa 6 Mac 1946 telah meninggalkan kesan yang mendalam khususnya kepada penduduk Melayu di Kampung Bekor. Dalam serangan yang dianggarkan selama hamper dua jam ini seramai 80 orang Melayu termasuk kanak–kanak telah dibunuh. Bilangan penduduk yang paling ramai menemui ajal ialah mereka yang sedang bersolat subuh di Masjid Kampung Bekor. Dalam laporan perisikan British, dinyatakan seramai 56 hingga 57 orang yang hendak meninggalkan Masjid Bekor selepas solat Subuh dibunuh oleh orang Cina (WO 172/9773, 9 March 1946: 234). British melaporkan bahawa komunis tidak mengalami sebarang kehilangan nyawa dan serangan ini telah dirancang dengan sebegitu rapi. Ramai di antara penduduk kampung yang mengalami kecederaan. Seramai 15 orang lelaki, tujuh wanita dan lapan orang kanak-kanak turut dilaporkan hilang. Berikutan itu, *Senior Civil Adviser Officer* (SCAO) telah mengarahkan pasukan keselamatan untuk menjalankan kerja mencari mangsa dari rumah ke rumah dalam lingkungan jarak 5 batu radius di kawasan Bekor, Manong dan Parit (WO 172/9773: 286). Pada 7 Mac 1946, penduduk Kampung Semat, Manong telah bersepakat pergi ke kampung-kampung yang terlibat bagi mencari mangsa korban untuk tujuan pengebumian. Suatu perkara yang amat menghairankan ialah mayat komunis tidak ditemui oleh penduduk kampung (CO 537/1580: 17). Dianggarkan seramai 100 orang Melayu yang kebanyakannya mengalami kecederaan menjadi pelarian di Kuala Kangsar dan Manong (WO 172/9773: 281).

Kekacauan dan pembunuhan ke atas orang Melayu terus berlangsung hampir di semua lokasi di Tanah Melayu. Pada 19 September 1945 berlaku pembunuhan ke atas orang Melayu di Kota Bharu (Kelantan), 26 September 1945 di Alor Gajah (Melaka), di Selangor, Selama, Taiping, Parit, Sitiawan (Perak) dan Terengganu. Pada 6 November 1945, dalam satu serangan balas, sekumpulan orang Melayu seramai 300 hingga 400 orang Melayu menyerang orang Cina di Padang Lebar, Kuala Pilah dan mengakibatkan seramai 40 orang Cina terkorban (CO 537/1580: 8). Kebanyakannya terdiri dari wanita dan kanak-kanak. Lokasi ini turut dikatakan yang pertama diresapi oleh elemen keagamaan (WO 172/9773, 2 February 1946: 161). Manakala dalam konflik Melayu-Cina di Kuala Pilah, Kiyai Haji Hashim, Haji Munahar dan Haji Yusof bin Hasan telah menggunakan ilmu jarum emas (WO 172/9773, 23 February 1946: 205). Pada 11 Februari 1946 di Batu Malim, Raub, Pahang, kekacauan berlaku di kawasan pasar yang melibatkan seramai 200 orang Melayu dan 150 orang Cina. Seramai 30 orang Cina terkorban termasuk 10 orang kanak-kanak Cina dan dua orang Melayu. Manakala seramai 16 orang Cina dan 10 orang Melayu mengalami kecederaan (CO 537/1580: 8). Di Raub, Pahang, seorang pemuda yang bernama Hassan dikatakan aktif memberikan ceramah di masjid dan mengapi-apikan orang Melayu menyerang orang Cina (WO 172/9773, 12 January 1946: 2). Di samping itu, risalah propaganda agama yang anti-Cina disebarkan di kawasan Raub. *Gerakan Sabilillah* di Pahang mempunyai perkaitan dengan Batu Pahat, khususnya suntikan semangat yang telah diberikan oleh Kiai Salleh (WO 172/9773, 2 February 1946: 162).

Kesimpulan

Kebangkitan orang Melayu mempertahankan kelangsungan dan survival bangsa telah memberikan kejutan kepada pihak British yang selama ini menyifatkan orang Melayu mudah menurut perintah. Kekejaman komunis melakukan pembunuhan, menyebabkan orang Melayu menggabungkan seni mempertahankan diri dan ilmu kebal bagi mempertahankan survival bangsa. Islam digunakan sebagai paksi perjuangan. Penentangan terhadap keganasan MPAJA dianggap jihad ke jalan Allah. Islam telah dimurnikan di pandangan masyarakat setempat dengan unsur sufisme dan pembawaan tarekat oleh golongan ulama. Sufisme telah menyebabkan meningkatnya aspek moral, politik dan peningkatan sosial masyarakat Islam. Ilmu kebal telah menjadi sebahagian daripada amalan masyarakat Melayu khususnya ketika pengaruh Islam tidak begitu tebal di dalam masyarakat. Orang Melayu yang terdesak telah membentuk jamaah dan bersatu di bawah Islam. Survival orang Melayu merupakan jihad pertama berikutan penjajahan British dan Jepun di Tanah Melayu. Orang Melayu bukan sahaja membunuh komunis Cina malah kesemua penyokong-penyokong turut menerima padahnya. Peristiwa-peristiwa yang telah berlaku inilah perlu diketengahkan kepada masyarakat. Bukannya bertujuan untuk berdendam tetapi mencari satu formula bagi membina masa hadapan yang lebih gemilang bersandarkan “Bangsa Malaysia”.

Bibliografi

Burridge, Kenelm, O.L. (May 1951).“Racial Relations in Johore.” Australian Journal of Politics and History, Vol. II, No. 2, 163.
Cheah Boon Kheng. (1981).“Sino Malay Conflicts in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance.”

Journal of Southeast Asian History, Volume 12, No. 1, 230.

Cheah Boon Kheng. (1983). Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946. Singapore: Singapore University Press.

CO 537/3757, Malaya: Chinese Affairs and Correspondence With Mr. H.T. Pagden-1948.

CO 537/1580, Growth Of The Inter-Racial Feeling In Malaya.

CO 537/1583, Religious Cults In Malaya.

Farid Mat Zain & Amnah Saayah Ismail, (2007). Peranan Ulama Terhadap Perkembangan Islam di Pahang Pada Abad Ke-19, dlm. Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19, ed. Farit Mat Zain, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd..

Hairi Abdullah. (1973/4, 1974/5). “Kebangkitan Dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat.” JEBAT, Bil., 8-9.
Ibrahim Mahmood. (1981). Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. *Majlis*, 24 Februari 1947.

Mingguan Malaysia, 4 September 2011.

MU. 1099/1946, Vernacular Press Summaries, 20.5.46-31.12.46.

MU. 6834/47, Dissappearance of Two Malays From Muar, 5.6.47-9.6.48.

MU. 8434/47, Protest By Majlis Islam Tertinggi, Malayan Against Using The Koran In Swearing In By Muslim Youth Joining The British Army, 18.7.47-22.9.47.

Mohd Akbal Abdullah. (2006). Kiayi Fadhil Al-Banteni. dlm Johor Mengenang Sumbangsihmu. Ed. Abu Bakar A. Hamid, Md. Ismail Zamzam, Kamdi Kamil, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Purcell, Victor. (1948). The Chinese in Malaya. London: Oxford University Press.

RCJ. 241/46, Ulu Tiram Massacre And Exhumation of Dead Bodies, 30.4.46-12.11.47.

RCJ. 65/46, Weekly Situation Report, 10.4.46-8.2.48.

Roff, William, R., (1967). Nasionalisme Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

SUKJ. 6203/1945, Outstation Reports And Correspondence Muar, 19.9.45-27.11.45.

Seruan Ra'ayat, 1945-1946.

Syed Naguib Al-Attas. (1963). Some Aspects of Sufism as Understood And Practised Among The Malays. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd..

Sullivan, Patrick. (1982). Social Relations of Dependence In A Malay State: Nineteenth Century Perak. Kuala Lumpur: Art Printing Works.

Utusan Malaysia, 28 Mei 2009

Utusan Melayu, 12 Mac 1946

WO 172/1784, Supreme Allied Commander Southeast Asia (Mountbatten Diaries).

WO 172/9773, Supreme Allied Commander Southeast Asia (Mountbatten Diaries).

Wawancara dengan Arif bin Nong, Anak Sulung Tok Pawang Nong bin Santan, Kampung Jenerih, Ulu Cheka, Jerantut, Pahang, 27 November 2007.

Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari, Saksi Peristiwa 6 Mac 1946, Bekor, Kuala Kangsar, Perak, 20 November 2008.

Wawancara dengan Tuan Haji Hanapiah bin Haji Salleh, Penduduk Parit 13 A, Sungai Manik, Perak, 6 Jun 2008.

Wawancara dengan Ibrahim bin Uda Mohamad, Penduduk Kampung Suak Petai, Manong, Perak, 21 November 2008.

Wawancara dengan Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohamad Said, Pejuang Parang Panjang, Parit 3 B, Sungai Manik, Perak, 6 Jun 2008.

Wawancara dengan Tuan Haji Yahaya bin Haji Abbas, Anak Sulung Tuan Haji Abbas, Kampung Sungai Choh, Hulu Selangor, 18 Februari 2010.

Wawancara dengan Tuan Haji Yusof bin Salleh, Anak Sulung Kiai Salleh, Johor Bahru, 8 Disember 2009.

Wawancara dengan Tuan Haji Zakaria bin Awang, Bekas Sidang, Parit 8 C, Sungai Manik, Perak, 5 Jun 2008.

Wawancara dengan Abdul Rahman bin Uda Mohamad di Kampung Kubang Udang, Bekor, Kuala Kangsar, 20 November, 2008.